

1. Rajah di bawah menunjukkan pembuangan bahan toksik dari kilang.



Tandakan (✓) pada kesan-kesan pembuangan bahan toksik dari kilang.

- (a) Menyebabkan organisma akuatik mati
- (b) Meningkatkan pH air dan tanah
- (c) Menyebabkan kepupusan spesies
- (d) Menyebabkan kehilangan sumber ekonomi
- (e) Menyebabkan pencemaran air
- (f) Meningkatkan suhu air
- (g) Memusnahkan habitat hidupan
- (h) Merosakkan keindahan alam semula jadi
- (i) Menipiskan lapisan ozon
- (j) Merosakkan otak, ginjal dan sistem saraf

2. Rajah di bawah menunjukkan pembakaran bahan api fosil yang membebaskan gas-gas berasid seperti sulfur dioksida dan nitrogen dioksida yang membentuk hujan asid apabila terlarut dalam air hujan.



Tandakan (✓) pada kesan-kesan hujan asid.

- (a) Menyebabkan kesan rumah hijau
- (b) Menyebabkan pencemaran air
- (c) Merosakkan bangunan dan jambatan
- (d) Merendahkan pH tanah dan menjadikannya kurang subur untuk tumbuhan
- (e) Memusnahkan habitat hidupan
- (f) Menipiskan lapisan ozon
- (g) Menyebabkan kepupusan spesies
- (h) Merendahkan pH air sungai atau kolam dan menjadikannya tidak sesuai untuk organisma akuatik
